

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peratus kawasan di bawah zon pentadbiran PBT bagi setiap negeri yang masih belum dikenakan cukai taksiran serta apa usaha pihak KPKT dalam memasukkan zon tersebut dalam zon perkhidmatan yang layak untuk ditaksirkan cukai pintu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah dianggarkan sebanyak 53.88% kawasan di bawah operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih belum dikenakan cukai taksiran. Anggaran ini dibuat berdasarkan data dari 10 Pihak Berkuasa Negeri sehingga 30 September 2020.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, penetapan zon yang layak dikenakan cukai taksiran di kawasan operasi PBT perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

3. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan oleh PBT bagi memperluaskan kawasan atau zon yang layak dikenakan cukai taksiran adalah seperti berikut:

- (a) kemajuan pembangunan bagi kawasan tersebut;
- (b) kewajipan pihak PBT dalam memberikan perkhidmatan perbandaran bagi kawasan tersebut;
- (c) hasil kutipan yang diperolehi bagi kawasan yang dimaksudkan;
- (d) perbelanjaan yang dikeluarkan bagi kawasan yang diberikan perkhidmatan perbandaran; dan
- (e) sempadan pengurusan pentadbiran di antara agensi kerajaan terutamanya Pejabat Daerah, Felda dan lain-lain. (Contoh : Kawasan Kampung atau Felda).

4. Dengan mempertimbangkan faktor-faktor ini, PBT akan mencadangkan kenaikan cukai taksiran dengan mengemukakan cadangan tersebut di mesyuarat peringkat PBT sebelum diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.